



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

ISTITA'AH HARTA MENUJU BAITULLAH

Tarikh Dibaca :

**13 Jamadilakhir 1441H/
7 Februari 2020M**

Disediakan oleh :

**Cawangan Khutbah dan Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**

**ISTITA'AH HARTA MENUJU BAITULLAH***Khas Lembaga Tabung Haji*

7 Februari 2020M/ 13 Jamadilakhir 1441H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، تَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اَللّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾
لِيَشْهَدُوا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا أَسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَعْلُومَاتٍ عَلَى مَا رَزَقَهُمْ مِنْ
بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ ﴿٢٨﴾

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Pada hari yang mulia ini marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan mereka yang beroleh kebahagiaan hidup di dunia dan kesejahteraan hakiki di akhirat.



Mimbar mengalu-alukan kehadiran jemaah sekalian untuk menunaikan solat Jumaat pada hari ini dan marilah kita sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk “**Istita'ah Harta Menuju Baitullah**”.

Sidang Jemaah yang berbahagia,

Menunaikan haji di Tanah Suci Mekah adalah suatu yang wajib, namun ia hanya dituntut kepada muslim yang berkemampuan. Haji merupakan ibadah *badaniyyah* dan *maliyyah*. Hampir semua amalan yang dituntut, sama ada rukun atau wajib haji memerlukan kekuatan dan keupayaan yang tinggi. Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj, ayat 27 dan 28:

Bermaksud: Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadah haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datanginya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh. Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaanNya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban) dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, dan fakir miskin.”

Sheikh Muhammad Rashid Ridha di dalam Tafsir al-Manar mengatakan *istita'ah* ialah kemampuan untuk sampai ke tanah suci yang mana ia berbeza mengikut keadaan diri seseorang serta jauh atau dekatnya dengan baitullah. Selain faktor usia dan kesihatan, kekuatan dan kemampuan juga sangat berkait rapat dengan kewangan seseorang. Semua perkara ini adalah



terangkum dalam maksud *istita'ah* yang merupakan satu daripada syarat-syarat wajib haji berdasarkan ijma' muslimin.

Ibn Majah r.h meriwayatkan daripada Ibn 'Abbas RAnhuma bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ أَرَادَ الْحَجَّ فَلْيَتَعَجَّلْ فَإِنَّهُ قَدْ يَمْرُضُ الْمَرِيضُ وَتَضِلُّ الضَّالَّةُ وَتَعْرِضُ الْحَاجَةُ

Bermaksud: “Sesiapa yang ingin menunaikan haji, maka bersegeralah kerana tidak diketahui bila masa penyakit itu menyerang seseorang, kenderaannya hilang atau datang keperluannya yang lain.”

Hadirin Muslimin yang dimuliakan,

Apakah yang dimaksudkan dengan benar-benar berkemampuan? Imam al-Shafi'i menyatakan bahawa *istita'ah* terdiri daripada dua jenis, pertama; seseorang itu mampu dari segi kesihatan di samping mempunyai perbelanjaan untuk menunaikan haji. Kedua; seseorang itu tidak mampu dari segi kesihatan akan tetapi dia mampu untuk mengupah orang lain untuk menunaikan haji bagi pihaknya. Justeru, *istita'ah* haji itu ialah kecukupan perbelanjaannya untuk menunaikan ibadah haji secara langsung atau tidak. Oleh itu, berkemampuan dengan bantuan orang lain atau *istita'ah bighairihi* tidak perlu menyediakan perbelanjaan untuk pengiring bagi menunaikan haji kerana golongan ini hanya perlu membuat badal haji.

Sebagai umat Islam kita perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk mempersiapkan diri dalam memenuhi syarat-syarat kemampuan menunaikan ibadah haji. Berusahalah membuat simpanan bagi membiayai perbelanjaan sebenar mengikut kadar semasa yang ditentukan oleh pihak



berkuasa. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi r.h, Abdullah bin Umar RAnhuma berkata:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا يُوجِبُ الْحَجَّ قَالَ الزَّادُ
وَالرَّاحِلَةُ

Bermaksud: “Seorang lelaki telah datang kepada Nabi SAW lalu bertanya: “Wahai Rasulullah, apakah yang diwajibkan (untuk menunaikan) ibadah haji?” Baginda menjawab: “Bekalan dan kenderaan.”

Hadirin Muslimin yang dimuliakan,

Di Malaysia, segala urusan berkaitan haji diuruskan oleh Lembaga Tabung Haji. Sejak awal penubuhannya, Tabung Haji telah memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan masyarakat Islam di negara ini dapat menunaikan fardhu haji dengan sempurna. Tabung Haji telah berusaha menyantuni para jemaah seperti memberikan kursus haji bersiri, menyediakan perkhidmatan kesihatan di Tanah Suci, menguruskan tempat tinggal, menyediakan khidmat nasihat dan bimbingan di Tanah Suci dan sebagainya. Dalam masa yang sama, Tabung Haji juga sentiasa berusaha membuat penambahbaikan bagi menjamin keselesaan jemaah haji semasa di tanah air dan di Tanah Suci setiap masa dan ketika. Umat Islam di Malaysia sangat bertuah kerana perkhidmatan yang disediakan oleh Tabung Haji pada masa sekarang adalah antara yang terbaik berbanding dengan negara-negara Islam lain.



Tidak dinafikan bahawa faktor kewangan sangat berkait rapat dengan sebarang urusan pada masa kini termasuklah urusan berkaitan perkhidmatan. Justeru, segala peningkatan perkhidmatan yang terbaik dan bertaraf dunia memerlukan kepada sumber kewangan yang mencukupi untuk mengurus jemaah haji. Tambahan pula, pihak Tabung Haji juga perlu bertanggungjawab mengekalkan perkhidmatan yang terbaik setiap tahun atau sekurang-kurangnya kekal pada tahap yang sedia ada.

Perubahan iklim ekonomi dunia sangat pantas berubah serta turut memberikan kesan kepada ekonomi tanah air. Dalam situasi sekarang, semua kos perbelanjaan telah meningkat dari semasa ke semasa termasuklah perbelanjaan menunaikan ibadah haji. Oleh itu, dalam usaha mencukupkan *istita'ah* haji dari aspek pembiayaan, jemaah haji disarankan untuk menyediakan perbelanjaan yang secukupnya yang telah ditetapkan oleh Tabung Haji untuk menunaikan fardhu haji.

Sidang hadirin yang dikasihi sekalian,

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah:

Pertama: Menunaikan haji ke Baitullah adalah rukun Islam yang kelima dan wajib ditunaikan oleh mereka yang berkemampuan.

Kedua: *Istita'ah* atau kemampuan ialah menyediakan perbelanjaan yang cukup untuk menunaikan ibadah haji mengikut kadar sebenar.

Ketiga: Berusahalah membuat simpanan bagi membiayai perbelanjaan sebenar mengikut kadar semasa yang ditentukan oleh pihak berkuasa.



Firman Allah SWT menerusi surah Ali 'Imran, ayat 97:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 فِيهِ آيَاتٌ بَيِّنَاتٌ مَّقَامُ إِبْرَاهِيمَ وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ آمِنًا وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنْ أُسْطَاعَ
 إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ ﴿٩٧﴾

Bermaksud: “Di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya; di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim. Dan sesiapa yang masuk ke dalamnya, aman tenteramlah dia. Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajiban ibadat haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
 وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.



اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكُنَا كَبَاوَهُ دُولِي يَغْ مَهَا مُوَلِيَا
سَرِي قُدُوكَ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرَتَوَانِ اكَوْغْ ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدَ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَغْ مَهَا مُوَلِيَا سَرِي قُدُوكَ بَكِينِدَا رَاجِ قُرْمَايسُورِي اكَوْغْ،
تُونُكُو (Tunku) حَاجَهُ عَزِيزَةَ أَمِينَةَ مَيْمُونَةَ إِسْكَندَرِيَّةَ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى
اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَندَرَ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَاءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَ الْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،



إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.